

01 DEC 2000

Ong-Landskap

HARI LANDSKAP NEGARA UNTUK HIJAUKAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencadangkan supaya 3 Mac diisytiharkan sebagai Hari Landskap Negara dalam usaha mempertingkatkan lagi usaha menghijaukan Malaysia.

Menterinya Datuk Seri Ong Ka Ting berkata ia sebagai tanda kejayaan kempen menanam pokok di seluruh negara yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac, 1997.

Ong berkata demikian pada persidangan berita sempena majlis penyerahan sijil rekod Penanaman Pokok Alaf Baru oleh Malaysia Book of Records kepada kementerian itu di atas kejayaan Malaysia mencipta rekod menanam 100,000 pokok secara serentak di seluruh negara dalam masa seminit pada 15 Okt lepas.

Beliau berkata kegiatan landskap sebenarnya melibatkan banyak aspek dan komponen yang lain selain daripada menanam pokok semata-mata.

"Oleh itu, kami akan merancang satu format untuk Hari Landskap Negara agar setiap tahun kegiatan yang berlainan dapat dilaksanakan," katanya.

Mengulas kejayaan acara menanam 100,000 pokok dalam masa seminit, beliau berkata Malaysia berjaya memecah rekod sasaran asal dengan menanam 110,461 pokok di 152 lokasi di seluruh negara.

Katanya, banyak negeri berjaya mengatasi jumlah yang ditetapkan.

"Dengan kempen ini, kami rasa matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan minat semua pihak terhadap persekitaran hidup yang indah, sihat dan berkualiti dengan penghijauan persekitaran telah dicapai," kata beliau.

Namun begitu, Ong merasa kecewa di atas kegagalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memenuhi sasaran 7,000 pokok, malah hanya mampu menanam 3,784 pokok atas alasan kekurangan tapak penanaman yang sesuai.

Beliau berkata isu kekurangan tempat tidak boleh digunakan sebagai alasan dan semua pihak harus meningkatkan usaha menanam pokok di tempat kediaman, pangsapuri terutamanya di kawasan yang padat dengan penduduk.

"Saya rasa keadaan hutan konkrit di Kuala Lumpur perlu cara penyelesaian yang serius kerana aktiviti pembangunan harus diimbangi dengan kehijauan," kata Ong.

-- BERNAMA

MLS ES AKD